

November 7, 2023

# FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

*"Together, We Make it Great!"*

## FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD  
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage  
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

## 2023 HIGHLIGHTS

### HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition  
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

ISSN 2231-7422

## Program Profesor Pelawat: Profesor Susan Arendt Ke Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM CPP

Oleh: Fadhlina Mahat, Noor Saliza Salmi, Nurhidayah Che Ahmat (Dr.), & Hashim Fadzil Ariffin (Prof. Dr.)

Sempena dengan Konferensi 3rd Penang International Conference on Hospitality (PItCH2023), Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah menerima kunjungan Profesor Pelawat iaitu Profesor Susan Arendt atau Profesor Arendt dari Universiti Iowa State pada 11 dan 12 September 2023. Jemputan ini telah diaturkan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Program Profesor Pelawat (PPP).

Program Profesor Pelawat ini buat julung kalinya memilih Profesor Arendt kerana beliau adalah lantikan Profesor Pelawat bagi FPHP. Malah beliau juga adalah Penceramah Ucaptama (Keynote Speaker) bagi Konferensi PItCH2023. Profesor Arendt merupakan Profesor dalam bidang Pengurusan Hospitaliti dan beliau adalah Pengarah yang pertama untuk Universiti Iowa State Online. Selain dari itu, beliau juga adalah pakar dietetik berdaftar dan felo Akademi Pemakanan dan Dietetik.

Sepanjang keberadaan Profesor Arendt di Malaysia, sebuah program telah disusun iaitu kunjungan rasmi Profesor Arendt bertemu dengan warga UiTM CPP yang terdiri dari kalangan staf akademik FPHP dan kakitangan dari jabatan lain.



### Events Highlights



Perjalanan program ini bermula dengan penyediaan kertas kerja oleh Jawatankuasa PPP sekitar bulan Mac yang lalu yang diketuai oleh Profesor Dr Hashim Fadzil Ariffin selaku Ketua Pusat Pengajian FPHP. Beliau berpendapat bahawa dengan kehadiran Profesor Arendt sempena Konferensi PItCH 2023 pada 13 dan 14 September, sebuah program perlu diadakan bagi memanfaatkan semua pihak sepanjang keberadaan profesor di kampus UiTM CPP. Maka dengan itu, perancangan program telah diaturkan dalam beberapa sesi perbincangan bersama jawatankuasa yang terlibat.

Antara program yang telah diluluskan adalah seperti yang berikut iaitu Sesi Perbincangan Semakan Kokurikulum dengan Jabatan Perkhidmatan Makanan pada 11 September. Sejurus selepas itu sesi Meet and Greet with FPHP Faculty Members. Manakala pada hari kedua program diteruskan dengan sesi kemuncak yang

dijalankan hasil kerjasama dengan pihak Infotech UiTM CPP secara mod hybrid. Ia adalah program yang menggunakan kaedah bersemuka dan pada masa yang sama sesi tersebut dipancarkan ke saluran YouTube iaitu Professor Talk: On Online Learning: A Student-Centric yang bertempat di Dewan Bankuet Utama, Hotel UiTM CPP. Kesemua program yang dijadualkan berjalan dengan lancar dan sekaligus memberi pengalaman yang berharga kepada semua hadirin. Ini adalah kerana para hadirin mendapat peluang untuk bertanya soalan dan meminta pandangan terus dari Profesor Arendt. Beliau juga sangat berbesar hati kerana dijemput untuk mengisi program-program yang diaturkan sepanjang berada di sini. Di akhir program pihak jawatankuasa PPP telah menyediakan cenderahati sebagai simbolik ucapan terima kasih dan penghargaan yang telah disampaikan oleh Ketua Program Diploma, FPHP.

Faculty of Hotel & Tourism Management  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pulau Pinang  
Permatang Pauh Campus  
13500 Permatang Pauh  
PENANG  
Tel:04 3823888/fax:04 3823681



Read More On

<https://anyflip.com/homepage/oistf>  
[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

**HOT & TOUR NEWSLETTER**  
**NOV. VOL. 2/2023**

ISSN 2231-7422